

Anwar gesa majukan Bayan Lepas

Dahului pembangunan kawasan tersisih sebelum bina pulau buatan

Oleh Siti Sofia Md Nasir
siti.sofia@bh.com.my

Bukit Mertajam: Presiden PKR, Datuk Seri Anwar Ibrahim, berharap kerajaan Pulau Pinang membangunkan kawasan Bayan Lepas terutama di Gertak Sanggul terlebih dulu sebelum menambak laut bagi pembinaan tiga pulau buatan di situ.

Beliau berkata kawasan Gertak Sanggul yang terbabit dengan projek tambakan laut di selatan Pulau Pinang (PSR) itu dilihat masih tersisih daripada arus pembangunan.

“Bayan Lepas termasuk Gertak Sanggul agak terpinggir. Saya setuju kalau antara pilihannya, kalau mahu tebus guna tanah, harus didahului pembangunan di situ.

“Kalau kita abaikan kawasan itu, ia akan menimbulkan keresahan penduduk. Kita tidak mahu itu terjadi,” katanya pada sidang media selepas menghadiri Kon-

vensyen PKR Pulau Pinang di sini, semalam.

Terdahulu, Anwar dalam ucapannya mengulangi pendirian supaya kerajaan negeri tidak meneruskan PSR sehingga kajian dan penelitan lanjut mengenai

“Kita bukan tolak projek ini. Kita juga tidak mahu sudah tambak baru mahu lihat (kajian semula). Saya minta pimpinan PKR untuk patuh keputusan lihat dan teliti semula (cadangan) ini.

Anwar Ibrahim,
Presiden PKR



Anwar menyampaikan ucapan pada Konvensyen PKR Pulau Pinang di Bukit Mertajam, semalam.

(Foto Shahnaz Fazlie shahrizal / BH)

kesan kepada kawasan serta masyarakat terbabit dilakukan.

Hasrat itu sudah beliau suarakan kepada Perdana Menteri, Tun Dr Mahathir Mohamad, selain memaklumkan kepada pimpinan tertinggi kerajaan negeri dan Pakatan Harapan (PH).

“Kita bukan tolak projek ini. Kita

juga tidak mahu sudah tambak baru mahu lihat (kajian semula). Saya minta pimpinan PKR untuk patuh keputusan lihat dan teliti semula (cadangan) ini,” katanya.

Sementara itu, pemangku Pengerusi PKR Pulau Pinang, Muhammad Bakhtiar Wan Chik mengingatkan semua ahli parti itu

supaya terus bekerja demi rakyat dan tidak berniat untuk merebut kuasa atau kekayaan.

Beliau berkata, kemenangan Pakatan Harapan (PH) pada pilihan raya lalu membuktikan doongan rakyat yang dahagakan satu pembaharuan ke arah pentadbiran negara yang lebih baik.